



**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK,  
PENYELIDIKAN DAN JARINGAN INDUSTRI)  
UNIVERSITI SELANGOR**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
PEMBENTANGAN/PENERBITAN HASIL AKADEMIK DALAM/LUAR NEGARA**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Garis Panduan</b>
<b>1.</b>	<b>Nama Jawatankuasa</b>	Jawatankuasa Penilaian Pembentangan/Penerbitan Hasil Akademik, Universiti Selangor.
<b>2.</b>	<b>Urus Setia</b>	Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri)
<b>3.</b>	<b>Definisi Hasil Akademik</b>	Sebarang bentuk penemuan/dapatan/idea yang berkaitan dengan akademik termasuk dan tidak terhad kepada jurnal, pembentangan hasil kajian, pertandingan reka cipta dan inovasi.
<b>4.</b>	<b>Kelayakan Pemohon</b>	(a) Staf hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia atau penduduk bertaraf tetap.  (b) Staf dalam perkhidmatan berjawatan tetap.  (c) Staf yang telah setahun melaporkan diri selepas tamat cuti belajar.  (d) Staf kontrak boleh dipertimbangkan dengan syarat staf adalah penulis pertama dan penulis bersama adalah staf tetap.  (e) Staf bebas dari sebarang tindakan tatatertib.

Bil	Perkara	Garis Panduan
5.	Syarat Permohonan	<p>(a) Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan kepada jawatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Penolong Pensyarah/Instruktur Klinikal/ Pegawai Sains</li><li>ii. Pensyarah</li><li>iii. Pensyarah Kanan</li><li>iv. Profesor Madya</li><li>v. Profesor</li></ul> <p>(b) Staf yang bercuti sabbatical atau cuti belajar (Skim A dan B) semasa tarikh konferen/woksyop <b>tidak layak</b> memohon.</p> <p>(c) <b>Luar Negara:</b> Staf yang berkhidmat lebih dari lima (5) tahun layak dipertimbangkan sekali dalam setahun untuk pembentangan di luar negara, bagaimanapun staf yang berkhidmat kurang dari lima (5) tahun boleh dipertimbangkan untuk sekali dalam dua (2) tahun.</p> <p>(d) <b>Dalam Negara:</b> Pembentangan di dalam negara adalah tidak melebihi dua (2) kali dalam setahun. Permohonan yang melebihi dua (2) kali dalam setahun boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa.</p> <p>(e) Hanya pembentangan secara lisan (oral presentation) dibenarkan.</p> <p>(f) Pensyarah baharu yang tempoh perkhidmatan kurang daripada tiga (3) tahun boleh dipertimbangkan untuk pembentangan poster.</p> <p>(g) Hasil Akademik yang dibentangkan perlu berkaitan dengan bidang kepakaran/pengkhususan pemohon.</p> <p>(h) Keutamaan pertimbangan akan diberikan kepada pemohon yang menjadi penulis utama (first author) dalam hasil akademik yang akan dibentangkan.</p>

Bil	Perkara	Garis Panduan
6.	<b>Syarat Khusus Pembentangan Di Luar Negara</b>	<p><b>5.1 Jurnal yang telah diterbitkan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Staf yang berkhidmat kurang dari dua (2) tahun, boleh dipertimbangkan setelah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam prosiding.</li><li>(b) Staf yang berkhidmat kurang dari lima (5) tahun boleh dipertimbangkan setelah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan jurnal.</li><li>(c) Staf berjawatan Pensyarah (selain daripada para (a) dan (b) di atas) atau Pensyarah Kanan mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) penerbitan jurnal antarabangsa atau satu (1) jurnal berimpak dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.</li><li>(d) Staf berjawatan Profesor Madya mesti mempunyai sekurang-sekurangannya enam (6) penerbitan jurnal antarabangsa atau tiga (3) jurnal berimpak dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.</li><li>(e) Staf berjawatan Profesor mesti mempunyai sekurang-sekurangannya sembilan (9) penerbitan jurnal antarabangsa atau empat (4) jurnal berimpak dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.</li><li>(f) Manuskrip yang telah diterima oleh pihak penganjur/penerbit perlu disertakan dengan surat pengesahan penerimaan.</li><li>(g) Salinan muka hadapan jurnal atau buku prosiding berkenaan perlu dilampirkan sebagai bukti.</li></ul> <p style="text-align: center;"><b>ATAU</b></p> <p><b>5.2 Penerbitan selain daripada jurnal:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Penerbitan buku ilmiah (akademik) atau bab dalam buku yang menjadi rujukan (peringkat pengajian tinggi) boleh dipertimbangkan. Perkiraan adalah berdasarkan sebuah (1) penerbitan buku bersamaan empat (4) buah jurnal antarabangsa, manakala satu (1) bab dalam buku bersamaan sebuah (1) jurnal antarabangsa.</li></ul>

Bil	Perkara	Garis Panduan																																	
		<p>(b) Bagi penerbitan lain yang diambil kira berdasarkan nilai kesetaraan bagi menentukan jumlah penerbitan pemohon adalah seperti ketetapan semasa yang diguna pakai seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Penerbitan</th> <th></th> <th>Jurnal Berwasit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 skor muzik</td> <td>=</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>1 pameran solo</td> <td>=</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>1 pameran solo</td> <td>=</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>1 skrip drama</td> <td>=</td> <td>1.5</td> </tr> <tr> <td>1 konsert</td> <td>=</td> <td>1.5</td> </tr> <tr> <td>1 penulisan popular</td> <td>=</td> <td>0.25</td> </tr> <tr> <td>1 penerbitan dalam makalah akademik dan profesional</td> <td>=</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td>1 classified report</td> <td>=</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>1 polisi</td> <td>=</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>1 kertas konferen (maksimum 6)</td> <td>=</td> <td>0.33</td> </tr> </tbody> </table> <p>Abstrak pendek yang diterbitkan dalam jurnal tidak boleh diambil kira dalam pengiraan jurnal.</p>	Jenis Penerbitan		Jurnal Berwasit	1 skor muzik	=	1	1 pameran solo	=	2	1 pameran solo	=	1	1 skrip drama	=	1.5	1 konsert	=	1.5	1 penulisan popular	=	0.25	1 penerbitan dalam makalah akademik dan profesional	=	0.5	1 classified report	=	1	1 polisi	=	1	1 kertas konferen (maksimum 6)	=	0.33
Jenis Penerbitan		Jurnal Berwasit																																	
1 skor muzik	=	1																																	
1 pameran solo	=	2																																	
1 pameran solo	=	1																																	
1 skrip drama	=	1.5																																	
1 konsert	=	1.5																																	
1 penulisan popular	=	0.25																																	
1 penerbitan dalam makalah akademik dan profesional	=	0.5																																	
1 classified report	=	1																																	
1 polisi	=	1																																	
1 kertas konferen (maksimum 6)	=	0.33																																	
7.	<b>Tanggungjawab Mengadakan Jaringan</b>	<p>Staf yang diluluskan menghadiri konferen/woksyop di luar negara adalah dikehendaki:</p> <p>(a) Mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi/organisasi luar negara di mana konferen/woksyop dijalankan.</p> <p>(b) Mengemukakan jadual tentatif jaringan yang akan diadakan semasa mengemukakan permohonan bantuan kewangan/kelulusan rasmi.</p> <p>i. Nama staf yang akan ditemui dan universiti/institusi yang berkenaan.</p> <p>ii. Membawa brosur (kit promosi) mengenai UNISEL mengikut jumlah yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.</p>																																	
8.	<b>Tempoh</b>	<p>Tempoh menghadiri konferen/woksyop yang diluluskan ialah mengikut <b>tarikh</b> konferen/woksyop <b>dan ditambah satu hari perjalanan dan satu hari lawatan jaringan.</b> Walau bagaimanapun tempoh pemberian</p>																																	

Bil	Perkara	Garis Panduan
		bantuan kewangan dihadkan kepada <b>maksimum lima (5) hari</b> sahaja.
9.	<b>Jenis dan Kadar Bantuan</b>	<p>(a) Bantuan adalah meliputi tambang kapal terbang/pengangkutan, elaun makan, elaun penginapan/lojing dan yuran konferen/woksyop.</p> <p>(b) Kadar bantuan tambang kapal terbang adalah tertakluk kepada tambang kelas ekonomi sahaja.</p> <p>(c) Bantuan bagi elaun makan dan penginapan/lojing adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh UNISEL.</p>
10.	<b>Proses Permohonan/ Kelulusan</b>	<p>(a) Mengemukakan borang permohonan untuk kelulusan Jawatankuasa, <b>selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tarikh</b> konferen/woksyop.</p> <p>(b) Staf yang belum menerima surat penerimaan dari pihak penganjur dalam tempoh di atas boleh mengemukakan permohonan tanpa melampirkan surat penerimaan berkenaan. Permohonan staf hanya diluluskan selepas mengemukakan salinan surat penerimaan sebelum tarikh konferen/woksyop berkenaan kepada Jawatankuasa.</p> <p>(c) Jawatankuasa akan mengeluarkan surat kelulusan kepada pemohon yang berjaya.</p> <p>(d) Staf perlu mengisi borang kebenaran ke luar negara kepada Naib Canselor melalui Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri).</p>
11.	<b>Bilangan Penyertaan</b>	Jawatankuasa berhak menghadkan bilangan penyertaan staf UNISEL untuk sesuatu konferen/woksyop dan keutamaan diberikan untuk penyertaan ke konferen/woksyop bertaraf antarabangsa. Had bilangan penyertaan ke sesuatu konferen/woksyop ialah tiga (3) penyertaan dengan kertas kerja yang berlainan sahaja.

Bil	Perkara	Garis Panduan
12.	<b>Laporan Menghadiri Konferen/Woksyop</b>	<p>(a) Laporan menghadiri konferen/woksyop dan jaringan antarabangsa serta hasil akademik yang lengkap dalam bentuk 'soft copy' perlu dikemukakan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik selewat-lewatnya <b>satu (1) bulan</b> selepas tarikh konferen/woksyop berlangsung.</p> <p>(b) Staf yang menerima peruntukan/kelulusan rasmi menghadiri konferen/woksyop <b>wajib</b> membentangkan hasil akademik, manakala staf yang menggunakan geran/menerima tajaan luar digalakkan menyertai simposium Universiti yang dihadiri oleh masyarakat kampus.</p> <p>(c) Staf yang <b>gagal</b> mengemukakan laporan dan menghadiri simposium pada tempoh yang telah ditetapkan akan diarah untuk <b>MEMBAYAR SEMULA</b> semua kos yang dikeluarkan oleh UNISEL. Permohonan staf berkenaan pada masa hadapan <b>TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.</b></p> <p>(d) Staf adalah <b>wajib</b> untuk menyerahkan buku prosiding salinan asal dalam bentuk softcopy atau bercetak ke perpustakaan selewat-lewatnya <b>satu (1) minggu</b> selepas tarikh konferen/woksyop berlangsung.</p>
13.	<b>Penulisan/Penerbitan Jurnal</b>	<p>Staf yang telah menghadiri konferen/woksyop dikehendaki menghantar salinan prosiding dalam tempoh <b>selewat-lewatnya satu (1) bulan</b> selepas tarikh konferen/woksyop dan seterusnya diterbitkan dalam jurnal <b>selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) tahun.</b></p>
14.	<b>Tarikh Kuat Kuasa</b>	<p>Syarat-syarat dan peraturan ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.</p>